

Ketahui dengan lebih lanjut

Hubungi kami untuk berbincang mengenai keadaan diri anda dan bantuan yang boleh kami hulurkan.

Telefon kami melalui talian **1300 09 HOME** (1300 094 663) atau pergi ke laman assistedreturns.com.au

homeward

PROGRAM PULANG BERBANTU



Bantuan yang kami tawarkan

Program Pulang Berbantu memberi penduduk yang bukan warganegara pilihan meninggalkan Australia secara suka rela. Kami mendengar apa keperluan anda, menghormati pilihan anda dan memberi anda maklumat terkini untuk membantu rancangan perjalanan anda.

Belanja anda ditanggung

Jika anda menepati syarat, belanja perjalanan anda yang diluluskan akan dibiayai di bawah program ini.

Kami mudah dihubungi

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang bantuan yang boleh kami tawarkan, pergi ke laman assistedreturns.com.au atau telefon kami melalui talian 1300 09 HOME (1300 094 663).

Siapa yang layak?

Setelah anda mengambil keputusan mahu meninggalkan Australia, Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri akan menilai sama ada anda layak.

Bual-bual dengan kami

Kami mahu memahami situasi anda. Seorang Pekerja Kes akan ditugaskan untuk mendengar kes anda dan menawarkan beberapa pilihan yang dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaik-baiknya.

Aturkan urusan

Kami akan membantu persiapan anda sebelum anda pulang ke negara sendiri dengan memberi anda maklumat dan senarai semakan.

Sediakan dokumen

Kami boleh menolong anda menyiapkan borang-borang perjalanan yang diperlukan supaya dokumen-dokumen perjalanan anda semuanya betul.

Uruskan perjalanan

Kami akan menguruskan perjalanan anda, iaitu menempah penerbangan, penginapan dan pengangkutan yang anda perlukan.

Tinggalkan Australia

Pada hari anda berlepas, anda akan berasa siap sedia.

Ketibaan pulang

Setibanya anda di negara sendiri, anda boleh disambut di lapangan terbang oleh ahli keluarga atau anda boleh mengatur perjalanan selanjutnya. Anda sepatutnya telah diberi maklumat yang berkenaan supaya anda boleh melaksanakan rancangan perjalanan anda sehingga selesai dengan jayanya.

